

16 JUN 2004

Azalina-Cabaran

PERMOHONAN "CABARAN MALAYSIA BOLEH" DITELITI DAN DIPERHALUSI

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan terlebih dahulu meneliti dan menghalusi permohonan mana-mana individu atau kumpulan yang berhasrat melakukan sebarang percubaan mencipta rekod dunia "Cabaran Malaysia Boleh", kata Menteri berkenaan Datuk Azalina Othman Said hari ini.

Beliau berkata semua permohonan untuk cabaran ini dikaji dahulu sebelum kementerianya memberikan sokongan atau bantuan.

Katanya mereka yang mendapat penajaan daripada kementerian selepas berjaya menamatkan misinya akan diminta bekerjasama dalam memberi tunjuk ajar dan menyalurkan pengalaman yang perolehi kepada golongan belia.

Azalina berkata demikian kepada pemberita selepas beliau menyampaikan cek dan tiket tajaan kepada peserta "Ekspedisi Solo Wanita Asia Pertama ke Antartika", Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini,

"Saya mahu mereka menceritakan pengalaman, pahit getir menghadapi cabaran sebelum berjaya mencapai matlamat yang mereka inginkan kepada golongan belia khususnya di luar bandar", kata menteri itu.

"Saya juga mahu para belia belajar apa yang dimaksudkan dengan kekuatan mental. Mereka juga perlu membicarakan tentang disiplin, tumpuan dan persiapan dari segi pemakanan, latihan, mengawal emosi dan lain-lain aspek," katanya.

Mengenai penajaan, Azalina berkata kementerian itu tidak bertindak sebagai penaja utama sebaliknya hanya menaja sebahagian daripadanya.

"Dalam kes Sharifah (Mazlina), kita membantu beliau dengan pembayaran RM912,000. Semua perbelanjaan ini diperlukan sebelum ke Antartika, ia juga untuk persediaan bagi bantuan kecemasan, logistik, penerbangan dan bayaran kepada pihak Antartika. Kita bukan penaja solo tetapi kita berkongsi dengan penaja lain," kata beliau.

Beliau berkata kementerian itu menyalurkan bantuan penajaan

kepada  
Sharifah Mazlina memandangkan beliau merupakan ekspedisi solo ke  
Antartika  
yang pertama dilakukan oleh seorang wanita.

Sharifah Mazlina menerima sumbangan kewangan berjumlah RM400,000  
daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), 100Plus dan AmBank Berhad, di  
samping penajaan tiket penerbangan daripada MAS.

Beliau yang merupakan pensyarah Psikologi Sukan di Fakulti Sains  
Sukan  
dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam akan melakukan  
ekspedisi  
selama 30 hari sejauh 1,100 kilometer dari South Pole ke Hercules  
Inlet  
menggunakan teknik "Ski-Sailing". Beliau juga akan membawa kereta  
luncur  
salji dengan muatan seberat 100 kilogram.

Sementara itu, Sharifah Mazlina berkata beliau memilih Antartika  
kerana  
jika hendak mencipta satu rekod dunia, perlulah memilih tempat yang  
betul-betul mencabar sebab di kawasan itu cuacanya lebih sejuk dan  
kering  
iaitu -60 darjah Celsius berbanding Artik.

"Matlamat utama saya adalah untuk menyahut Cabaran Malaysia  
Boleh dan  
merealisasikan impian bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir  
Mohamad. Saya  
mahu menyahut cabaran itu sebagai wanita pertama yang menggerakkan  
idea  
ini," katanya.

Untuk merealisasikan impian itu, katanya beliau perlu menjalani  
tiga  
peringkat latihan yang telah ditentukan oleh Agensi Ekspedisi dan  
Logistik  
Antartik (ALE) sebelum mendaftarkan diri untuk melakukan ekspedisi  
solo  
itu.

Ekspedisi itu yang dikelolakan Persatuan Wanita Bumiputra Dalam  
Perniagaan dan Profesyen Malaysia (Peniagawati) akan memulakan  
ekspedisi  
pada 27 November ini dan berakhir pada 4 Januari tahun depan.

-- BERNAMA  
FA IZI BK